



KESAN KAEDAH *SIX THINKING HATS* TERHADAP PENULISAN: TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK (2013-2022)

THE EFFECT OF SIX THINKING HATS TECHNIQUE ON WRITING SKILLS: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

Muhammad Nasir Amin¹, Muhammad Syawal Amran^{2*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
Email: P112819@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti, Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
Email: syawal@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.06.2025

Revised date: 15.07.2025

Accepted date: 21.08.2025

Published date: 12.09.2025

To cite this document:

Amin, M. N., & Amran, M. S. (2025). Kesan Kaedah *Six Thinking Hats* Terhadap Penulisan: Tinjauan Literatur Sistematis (2013–2022). *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 897-912.

DOI: 10.35631/IJMoe.726060

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Penulisan menunjukkan tahap kognisi seorang penulis kerana ia melibatkan keupayaan untuk berfikir, keupayaan bahasa dan daya ingatan. Berfikir merupakan kemahiran yang paling penting dalam diri seorang individu. Selain itu, kaedah *Six Thinking Hats* merupakan salah satu alat kemahiran berfikir holistik yang membantu penulis dalam penulisan. Kajian ini dijalankan untuk melihat tinjauan literatur sistematik dalam kesan penggunaan *Six Thinking Hats* terhadap penulisan. Kajian ini menggunakan kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) dan menggunakan enam pangkalan data iaitu *Scopus*, *Web of Science (WoS)*, *Science Direct (SD)*, *Education Resources Information Center (ERIC)*, *OpenAIRE* dan *Springer*. Empat artikel dipilih daripada 45 artikel melalui carian 10 tahun terkini (2013 – 2022). Dapatan kajian menunjukkan kaedah *Six Thinking Hats* membantu meningkatkan tahap penulisan pelajar selain memberi kesan positif yang lain seperti pengembangan idea, berlakunya proses sumbang saran, pengembangan kreativiti pelajar dalam penulisan, pelajar lebih bermotivasi dalam pembelajaran dan keyakinan diri pelajar meningkat selepas pengaplikasian kaedah *Six Thinking Hats*.

Kata Kunci:

Six Thinking Hats, penulisan

Abstract:

The writing reflects the cognitive level of a writer as it involves the ability to think, language proficiency, and memory skills. Thinking is the most crucial

skill in an individual, and the Six Thinking Hats method is an adaptable tool that can assist writers in their writing. This systematic literature review concerns the effects of using Six Thinking Hats on writing. The study utilized the PRISMA method (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) and involved six databases: Scopus, Web of Science (WoS), Science Direct (SD), Education Resources Information Center (ERIC), OpenAIRE, and Springer. Four articles were selected from 45 articles through a search of the past 10 years (2013 – 2022). The study findings indicate that the Six Thinking Hats method not only enhances students' writing skills but also provides other positive effects such as idea development, facilitating a brainstorming process, fostering students' creativity in writing, increasing motivation for learning, and boosting students' confidence after applying the Six Thinking Hats method.

Keywords:

Six Thinking Hats, Writing

Pendahuluan

Penulisan menunjukkan tahap kognisi penulis kerana ia melibatkan keupayaan untuk berfikir, keupayaan bahasa dan daya ingatan (Swamy et. al., 2019). Ia dilihat sebagai satu seni yang boleh dipertingkatkan secara berterusan. Berfikir merupakan kemahiran yang paling penting dalam diri seorang individu (Bono, 2017). Individu berbeza melahirkan pemikiran berbeza tentang sesuatu perkara dalam perbincangan. Perdebatan dalam diskusi merugikan masa dalam mencari solusi terbaik suatu permasalahan. Menurut Bono (2017), kelemahan utama dalam proses berfikir ialah kekeliruan. Kita sering mencampur adukkan pelbagai perkara dalam proses berfikir seperti emosi, informasi, logik, harapan dan kreativiti.

Edward De Bono telah mengemukakan satu kaedah berfikir yang bersifat holistik dan kritis yang digelar *Six Thinking Hats*. Kaedah ini melatih individu berfikir tentang satu aspek pemikiran dalam satu masa. Individu tersebut dapat mengasingkan emosi daripada logik, kreativiti daripada maklumat dan harapan daripada emosi. Kaedah berfikir ini menggalakkan pemikiran selari (*parallel thinking*) dalam perbincangan di mana setiap individu berfikir dari semua aspek dalam arah yang sama pada masa yang sama (Hani, Petrus & Sitinjak, 2017). Menurut Bodur (2018), kaedah *Six Thinking Hats* merupakan antara kaedah pemikiran kritis yang paling popular. Ia digunakan oleh pengarah syarikat multinasional sehinggalah kepada orang awam yang mahu berfikir tentang sesuatu, dengan mengasingkan pelbagai isu dalam pemikiran selari. Suatu permasalahan boleh dipisahkan kepada beberapa bahagian yang boleh difikirkan secara berasingan. Kajian oleh Setyaningtyas & Radia (2019), Mostafa et. al (2019) dan Ugyen & Dumcho (2020) menunjukkan bahawa penggunaan *Six Thinking Hats* dapat meningkatkan pemikiran kritis dalam kalangan individu yang menggunakannya.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Umm, Ismail dan Margaretha (2017) terhadap kesan *Six Thinking Hats* dan pemikiran kritis merangkumi pencapaian pertuturan, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kaedah *Six Thinking Hats* meningkatkan pemahaman, sebutan dan kelancaran pertuturan pelajar. Aktiviti *Six Thinking Hats* digunakan pada tahun 2015 oleh Majid dan Nayfeh (2015) untuk mengkaji kesannya terhadap pelajar darjah 11 dari segi peningkatan kemahiran menulis mereka. Kajian ini membuktikan kaedah *Six Thinking Hats* memberi kesan positif kepada pelajar.

Six Thinking Hats merupakan satu teknik yang menekankan perkembangan pemikiran dan membolehkan individu melihat masalah dari aspek berbeza di luar gaya pemikiran biasa (Kaur, 2017). Pemikiran dibahagikan kepada enam corak dan setiap gaya dianggap sebagai topi yang boleh dipakai atau ditanggalkan oleh individu mengikut cara pemikirannya pada ketika itu. Kaedah ini boleh memberikan seseorang individu keupayaan yang hebat untuk berjaya dalam pelaksanaan sesuatu proses di mana pemikiran kritis dan kreatif boleh dihasilkan dalam masa yang singkat. Setiap topi mewakili sebahagian daripada pemikiran, seperti berikut:

- Topi Putih : Mengandungi fakta, maklumat dan angka. Matlamat topi ini adalah untuk mengumpulkan maklumat yang diketahui dan tidak diketahui serta menggalakkan pelajar membezakan antara fakta dan tafsiran. Antara soalan topi putih utama ialah: Apakah maklumat yang saya tahu? Apakah maklumat yang hilang? Apakah maklumat yang saya perlukan? dan Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat tersebut?
- Topi Merah : Topi ini meneliti masalah yang diberikan melalui emosi, perasaan dan gerak hati tanpa sebarang penjelasan. Antara soalan utama untuk pemikiran topi merah ialah: Apakah perasaan yang terlibat dalam pemikiran saya? Patutkah emosi saya dimasukkan atau diketepikan dalam pemikiran? Kalau diikuti setakat mana? Adakah saya ghairah, takut, atau teragak-agak tentang pemikiran ini?
- Topi Hitam : Merupakan topi yang paling berharga kerana ia mengenal pasti kelemahan, risiko dan aspek negatif masalah yang diberikan. Ia menandakan kritikan membina dan menyiasat mengapa cadangan tidak sesuai dengan maklumat/fakta yang tersedia. Guru mesti menggunakan topi ini dengan bijak kerana mencari kesalahan adalah tugas yang mudah. Antara soalan utama topi hitam ialah: Apakah jenis kelemahan atau kekurangan yang melibatkan pemikiran ini? Apakah batasan proses berfikir ini? Apakah kesukaran yang akan ditemui oleh pelajar dalam pemikiran?
- Topi Kuning : Menunjukkan pemikiran optimis dan positif. Ia berfungsi bertentangan dengan topi hitam kerana ia mengenal pasti faedah dan kualiti masalah yang perlu diselesaikan. Ia menggalakkan kemahiran menyelesaikan masalah serta pemikiran yang membina dan produktif. Antara soalan yang sering ditanya ialah: Apakah kualiti masalah/cadangan terbaik? Apakah kelebihanannya? Bagaimanakah kelebihan ini boleh dilaksanakan?
- Topi Hijau : Topi ini bertujuan untuk meneroka kemungkinan baru untuk mengatasi risiko yang terlibat dalam pemikiran. Ia menggalakkan pemikiran kreatif. Antara soalan-soalan yang sering ditanya adalah: Apakah cara yang berbeza untuk menyelesaikan masalah ini? Bagaimanakah idea ini berbeza daripada idea yang lain? Apakah kesan idea-idea ini apabila anda melaksanakan sesuatu tindakan?
- Topi Biru : Topi kawalan kerana ia mengawal proses berfikir. Ia bertanggungjawab untuk metakognisi (berfikir tentang pemikiran) ringkasan, gambaran keseluruhan dan kesimpulan. Antara soalan topi ini ialah: Apakah hasilnya? Apakah cara terbaik untuk menentukan masalah? Bagaimanakah kita boleh mencapai lebih banyak lagi?

Kajian Tinjauan Literatur Sistematis menggunakan kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) ini dibuat bagi menjawab pernyataan masalah apakah kesan aplikasi kaedah *Six Thinking Hats* dalam penulisan. Ulasan Kepustakaan ini mengandungi lima bahagian. Bahagian pertama menjelaskan maksud penulisan seterusnya kemahiran berfikir dalam bahagian kedua. Bahagian ketiga menerangkan tentang pemikiran

selari. Manakala, bahagian keempat menjelaskan konsep *Six Thinking Hats* dan bahagian terakhir akan menjelaskan kesan *Six Thinking Hats*.

Ulasan Kepustakaan

Penulisan

Menurut Nurhidayat et al. (2022), penulisan terdiri daripada dua perkara iaitu isi penulisan dan bentuk penulisan. Isi merupakan sesuatu perkara yang ingin diterangkan maksudnya oleh penulis manakala bentuk ialah sebahagian daripada struktur penulisan seperti ejaan, tanda baca, gaya bahasa ayat dan perenggan. Terdapat lima unsur bahasa yang membantu penciptaan ayat yang baik yang dapat difahami oleh pembaca dan menjelaskan pemikiran penulis iaitu ejaan, kosa kata, gaya linguistik, kalimat dan perenggan. Ejaan merupakan penulisan huruf, kata dan penggunaan tanda baca yang menzahirkan pengertian dalam suatu penulisan. Kemampuan ejaan dalam penulisan menentukan perkembangan keterampilan menulis reseptif dan produktif. Kosa kata pula merupakan satu bahasa atau kumpulan kata yang digunakan bagi membentuk ayat untuk berkomunikasi atau menyampaikan pemikiran penulis terhadap orang lain.

Penguasaan kata merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi keberhasilan sesuatu penulisan dan pemahaman pembacanya kerana makna wacana dijelaskan melalui ungkapan linguistik kosa kata. Gaya linguistik merupakan sumber bahasa yang digunakan oleh penulis bagi membentuk ungkapan yang baik. Gaya bahasa unik bagi setiap penulis mampu meningkatkan ekspresi penulis dalam menghasilkan sesuatu penulisan. Kalimat pula merupakan penyatuan bahasa yang disusun berdasarkan kaedah tertentu. Kaedah tersebut meliputi unsur subjek dan predikat, aturan tentang ejaan yang disempurnakan dan cara memilih perkataan dalam sesuatu ayat. Perenggan pula merupakan sebahagian daripada penulisan yang terdiri daripada beberapa ayat yang digabungkan dalam satu kelompok bagi menjelaskan satu unit pemikiran. Ia ditandai dengan baris baru dalam perenggan. Suatu perenggan dikatakan lengkap jika berisi pendahuluan atau topik utama dan isi bagi penjelasan pendahuluan atau topik tersebut. Ayat perlu disusun dengan baik supaya menggambarkan urutan pemikiran dan penjelasan secara terperinci.

Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir merupakan satu kemahiran yang dimiliki oleh manusia. Secara umumnya, seorang individu yang mudah berpuas hati terhadap pemikiran mereka mempunyai pemikiran yang lemah (Bono, 2017). Menurut Kaur (2017), kemahiran berfikir memainkan peranan yang sangat penting dalam pelbagai bidang. Antara kemahiran tersebut adalah memberi tumpuan, mengekalkan fokus, kaedah mengumpulkan maklumat, kemahiran mengingat dan menghafal, kemahiran pengurusan, analisis, kemahiran menggabung jalin dan kemahiran menilai. Pengajaran kemahiran berfikir yang paling efektif ialah apabila diajar secara langsung (Bono, 2017). Kemahiran ini membantu seorang individu mencari maklumat yang diperlukan bagi penyelesaian masalah dan membentuk pemahaman mengenai maklumat tersebut.

Pemikiran Selari

Menurut Bono (2000), pemikiran selari bermaksud semua individu yang terlibat dalam sesuatu kegiatan berfikir dalam satu sudut atau arah pada satu masa. Pemikiran ini bertentangan dengan hujah, perselisihan dan pemikiran konfrontasi di mana setiap pihak sengaja mengambil pandangan yang bertentangan. Disebabkan setiap individu akhirnya melihat semua sudut

perbincangan, subjek diterokai sepenuhnya. Pemikiran selari bermakna pada bila-bila masa semua individu melihat ke arah yang sama. Dalam pemikiran tradisional, jika dua individu tidak bersetuju tentang sesuatu perkara, terdapat hujah di mana masing-masing cuba membuktikan pihak lain salah. Dalam pemikiran selari, kedua-dua pandangan, tidak kira betapa bercanggahnya ia, diletakkan secara selari. Kemudian, apabila wujud kepentingan untuk memilih antara dua pandangan tersebut, maka percubaan untuk memilih dibuat pada ketika itu. Jika pilihan tidak dapat dibuat, maka reka bentuk perlu meliputi kedua-dua kemungkinan. Pada setiap masa, penekanan adalah untuk mereka bentuk jalan ke hadapan.

Six Thinking Hats

Menurut Hani, Petrus & Sitinjak (2017), definisi *Six Thinking Hats* merupakan strategi yang memerlukan pelajar untuk mengembangkan cara berfikir mengenai sesuatu topik dengan menggunakan enam topi pemikiran yang berbeza. Edward De Bono menggunakan metafora enam topi berwarna bagi menjelaskan enam kaedah dalam pemikiran (Phuntsho & Wangdi, 2020). Topi putih melambangkan fakta yang objektif, topi merah digunakan untuk ekspresi emosi, topi hitam bagi menghasilkan kelemahan dalam suatu idea, topi kuning mengeluarkan pemikiran positif, topi hijau menghasilkan idea baru dan topi biru digunakan untuk mengatur perbincangan dalam kaedah berorganisasi (Tahrur & Novianti, 2019). Matlamat utama penggunaan kaedah *Six Thinking Hats* ialah bagi menghasilkan persetujuan atau solusi terbaik dalam suatu permasalahan atau situasi tertentu (Pang & Burri, 2018). Menurut De Bono (2017), kaedah pemikiran selari digunakan dalam konsep *Six Thinking Hats* bagi mengelakkan konfrontasi argumentatif di mana individu memberikan pandangan dari kaedah pemikiran yang berbeza. Apabila setiap individu berfikir ke arah yang sama, sesuatu topik dapat diterokai sepenuhnya dengan pantas. Proses tersebut juga menggalakkan penglibatan semua individu dalam perbincangan (Pang & Burri, 2018).

Walaupun enam topi tersebut berbeza warna dan corak pemikiran, tetapi akhirnya setiap pemikiran tersebut akan digunakan bersama. Topi tersebut hanya bertindak sebagai alat untuk membantu individu memfokuskan pemikiran terhadap satu perkara sahaja dalam satu masa. Topi hanyalah simbol fizikal bagi individu memainkan satu watak spesifik yang akan membantu mencambahkan pemikiran mereka. Teknik ini mudah diaplikasikan. Penggunaan teknik ini tidak memerlukan semua topi digunakan pada suatu masa dan tiada urutan penggunaan topi yang khas (Kaur, 2017).

Menurut Setyaningtyas dan Radia (2019), jika kaedah *Six Thinking Hats* dipelajari dan difahami dengan sebaiknya, ia boleh menjadi satu alat berfikir yang mampu untuk mengurangkan kekeliruan dan kelemahan semasa individu menjalankan analisis.

Kesan Six Thinking Hats

Menurut Kaur (2017), apabila seseorang menggunakan *Six Thinking Hats*, pemikiran kreatif dapat dibentuk. Apabila seseorang individu mempunyai pemikiran kreatif, dia boleh berjaya dalam semua bidang. Individu tersebut akan mempunyai kemahiran berfikir kreatif seperti analisis, sintesis, mengkaji, mencari hubungan dan membuat rumusan dalam penyelesaian masalah kehidupan seharian. Individu akan mempunyai daya pemikiran yang bebas dan lebih berkeyakinan.

Kajian Tahrún & Noviatí (2019) menguji keberkesanan kaedah *Six Thinking Hats* dalam mengajar bacaan naratif kepada pelajar darjah lapan. Kaedah tersebut digunakan ke atas satu kumpulan eksperimen di mana ia menunjukkan tahap penguasaan yang lebih baik berbanding kumpulan konvensional. Yeung (2019) pula menyatakan bahawa tahap penulisan pelajar meningkat dan menunjukkan perubahan positif yang ketara selepas menggunakan kaedah *Six Thinking Hats*. Apabila kaedah ini diaplikasikan terhadap sekumpulan pelajar, tahap pemikiran pelajar tersebut didapati meningkat dan tahap pembelajaran bertambah baik (Setyaningtyas & Radia, 2019). Terdapat juga perbezaan yang signifikan diantara pelajar yang menggunakan kaedah *Six Thinking Hats* di mana pelajar tersebut didapati lebih cekap menyelesaikan permasalahan yang diberi berbanding pelajar yang tidak menggunakannya.

Menurut kajian Ugyen & Dumcho (2020), pelajar yang didedahkan dengan kaedah *Six Thinking Hats* menunjukkan perkembangan kemahiran menulis yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak menggunakan kaedah tersebut. Kajian tersebut juga mendapati bahawa penggunaan *Six Thinking Hats* oleh guru dalam pengajaran penulisan mempunyai kesan dalam perkembangan kemahiran berfikir secara kreatif dalam kalangan pelajar. Guru juga disarankan supaya menggunakan kaedah *Six Thinking Hats* sebagai strategi alternatif bagi membangunkan konsep saintifik dan kemahiran berfikir secara kreatif dalam konsep saintifik dalam kalangan pelajar.

Kajian Mostafa et al. (2019) juga mendapati bahawa 90.7% pelajar bersetuju bahawa kaedah *Six Thinking Hats* membolehkan mereka membandingkan kesan negatif dan positif sesuatu penyakit dan berfikir mengenai pelbagai perkara tentang sesuatu subjek. Selain itu, 89.8% mengatakan bahawa kaedah ini membantu menghasilkan idea yang kreatif dan 89.9% pelajar bersetuju bahawa kaedah ini membantu mereka berkongsi pelbagai idea dan pendapat seterusnya meningkatkan minat dan motivasi mereka di dalam kelas.


Menurut Hani et al. (2017), kaedah *Six Thinking Hats* berjaya menggalakkan pelajar mencapai kejayaan dalam pertuturan. Tahap pemikiran kritis pelajar semasa bercakap juga didapati mempunyai perbezaan yang ketara apabila menggunakan kaedah *Six Thinking Hats*. Pemikiran yang lebih mendalam mengenai sesuatu topik apabila menggunakan topi berlainan warna membantu pemikiran kritis pelajar.

Menurut Mahamood et al. (2017), penggunaan *Six Thinking Hats* dalam kelas akan membantu pembelajaran aktif di antara guru dan pelajar. Pelajar akan lebih melibatkan diri dalam aktiviti kelas. Kajian ini juga menunjukkan guru Malaysia mampu menggunakan kaedah *Six Thinking Hats* dengan berkesan dalam pembelajaran. Kesan positif juga dilihat berlaku dalam proses pembelajaran. Gocmen & Coskun (2019) menyatakan bahawa *Six Thinking Hats* membantu dalam proses sumbang saran dan pengembangan kreativiti pelajar. Topi hijau secara spesifiknya membantu dalam pengembangan idea yang unik berbanding topi kuning dan merah. Pelajar juga didapati mampu untuk menjana idea secara spontan menggunakan topi hijau.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik (*Systematic Literature Review*) PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*). PRISMA merupakan satu kaedah pelaporan dalam semakan sistematik dan analisis berdasarkan satu set senarai semak. Ia membantu penyelidik kerana kaedahnyanya komprehensif dan boleh digunakan

dalam pelbagai asas kajian. Terdapat empat proses dalam kaedah PRISMA iaitu pengenaltastian (identification), penapisan (screening), kelayakan (eligibility) dan terpilih (included). Kajian ini berpanduan persoalan kajian “Apakah keberkesanan kaedah *Six Thinking Hats* dalam penulisan akademik?” Proses PRISMA dalam kajian ini ditunjukkan di Rajah 1.



Rajah 1: Ringkasan Proses PRISMA

Pengenalpastian

Langkah pertama dalam tinjauan kaedah literatur menggunakan PRISMA ialah pengenaltastian. Enam enjin carian pangkalan data dipilih bagi proses pencarian artikel jurnal iaitu *Scopus*, *Web of Science* (WoS), *Science Direct* (SD), *Education Resources Information Center* (ERIC), *OpenAIRE* dan *Springer*. Bagi menghasilkan set data utama, kata kunci yang digunakan dalam proses pencarian artikel ialah *Six Thinking Hats* dan *Writing*. Kata kunci ini dipilih kerana mencerminkan konstruk kajian yang bertepatan dengan persoalan kajian. Carian menggunakan kaedah Carian Boolean ‘DAN’ iaitu *Six Thinking Hats* DAN *Writing*. Kajian dihadkan kepada jenis penerbitan artikel jurnal, tahun penerbitan 10 tahun terakhir (2012 –

2022) dan kajian hanya dicari dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Carian pangkalan data terakhir dijalankan pada 25 Disember 2022. Jadual 1 menunjukkan kata kunci kueri pangkalan data yang telah dijalankan.

Jadual 1: Kueri Carian Pangkalan Data

Pangkalan Data	Kueri Carian
<i>Scopus</i>	TITLE-ABS- KEY (six AND thinking AND hat) AND (writing) AND (LIMIT- TO (SRCTYPE , "j")) AND (LIMIT-TO (DOCTYPE , "ar"))
<i>Web of Science</i> (WoS)	(ALL=(six thinking hats)) AND ALL=(writing)
<i>Science Direct</i> (SD)	six thinking hats and writing Year:2013-2022 Title, abstract, keywords:six thinking hats and writing
<i>Education Resources</i> <i>Information Center</i> (ERIC)	"six thinking hats" and "writing"
<i>OpenAIRE</i>	Any field includes "six thinking hats" AND "(writing)"
<i>Springer</i>	"six thinking hats" AND "writing"

Tajuk, abstrak, nama pengarang, nama jurnal, kata kunci, dan tahun penerbitan jurnal dieksport kepada format data Microsoft Excel. Proses ini berjaya mengenal pasti 45 artikel bagi kajian ini. Jadual 2 menunjukkan hasil proses pengenalanpastian kajian ini.

Jadual 2: Proses Pengenalpastian

Pangkalan Data	Jumlah Artikel Jurnal
<i>Scopus</i>	11
<i>Web of Science</i> (WoS)	4
<i>Science Direct</i> (SD)	17
<i>Education Resources Information Center</i> (ERIC)	2
<i>OpenAIRE</i>	10
<i>Springer</i>	1
JUMLAH	45

Penapisan

Proses penapisan merupakan langkah kedua selepas proses pengenalanpastian kaedah PRISMA. Langkah pertama ialah saringan tajuk artikel yang sama. Sebanyak tujuh artikel telah dikeluarkan kerana merupakan artikel yang sama dari pangkalan data yang berbeza. Jadual 3 menunjukkan artikel yang dikeluarkan melalui proses ini.

Jadual 3: Penapisan Artikel Sama

Pangkalan Data	Tajuk	Sebab Dikeluarkan
<i>Web of Science</i> (WoS)	Student positions and web-based argumentation with the support of the six thinking hats	Artikel yang sama terdapat di pangkalan data <i>Scopus</i>
<i>OpenAIRE</i>	UNASCO: exploring the market for sustainable business	Artikel yang sama terdapat di pangkalan data <i>Scopus</i>

Web of Science (WoS)	Examining usability of the six thinking hats technique in playwriting education: Turkey as a case study	Artikel yang sama terdapat di pangkalan data <i>Scopus</i>
ERIC	Examining usability of the six thinking hats technique in playwriting education: Turkey as a case study	Artikel yang sama terdapat di pangkalan data <i>Scopus</i>
OpenAIRE	The Effect of Conducting De Bono's Six Thinking Hats Activity on Developing Paragraph Writing Skills of University Students in The Kingdom of Saudi Arabia	Artikel yang sama terdapat di pangkalan data WoS
ERIC	The Effect of Using Six Thinking Hats Strategy on the Development of Writing Skills and Creativity of Seventh Grade EFL Students	Artikel yang sama terdapat di pangkalan data <i>OpenAIRE</i>
Web of Science (WoS)	Enhancing Thinking Skills Among Students Using Edward De Bono Module	Artikel yang sama terdapat di pangkalan data <i>Scopus</i>

Langkah seterusnya ialah saringan tajuk dan abstrak. Tajuk dan abstrak dibaca dengan teliti dan kajian yang didapati tidak berkenaan langsung dengan persoalan kajian dikeluarkan. 20 artikel telah dikeluarkan melalui langkah ini kerana didapati tidak berkaitan langsung dengan persoalan kajian tinjauan sistematik literatur yang dibuat. Sebanyak 18 artikel telah dipilih bagi proses seterusnya iaitu kelayakan. Jadual 4 menunjukkan sebab mengapa 20 artikel dikeluarkan dalam proses penapisan ini.

Jadual 4: Sebab Artikel Dikeluarkan melalui Saringan Tajuk dan Abstrak

Tajuk	Sebab Dikeluarkan
Application of mind mapping model in the teaching of molecular biology	Tajuk dan abstrak tidak berkaitan dengan persoalan kajian. Tiada sebarang penggunaan kaedah <i>Six Thinking Hats</i> atau penulisan akademik.
Social networks to improve the creative thinking of students: How does it works?	
UNASCO: exploring the market for sustainable business	
A preliminary study of integrating creative strategies in an "industry 4.0" project-based course	
Fashioning the Curator: The Chinese at the Lambing Flat Folk Museum	
The Grunge Effect: Music, Fashion, and the Media During the Rise of Grunge Culture In the Early 1990s	
Transliminality as a biological limitation to teach creativity, Thinking Skills and Creativity	
The effect of mind mapping on young children's critical thinking skills	
How adolescents develop and implement their ideas?	
On self-regulation of creative action	

An exploratory investigation into EFL teacher educators' approaches to develop EFL teachers' ability to teach for creativity

Divergent thinking in four-year-old children: An analysis of thinking processes in performing the Alternative Uses Task

How to train future engineers to be more creative? An educative experience

Fostering children's creative thinking skills with the 5-I training program

Hand-developed creative prototyping. Methodological proposal and experimentation

Exploring the interplay between fluid intelligence and creativity: the mediating role of the field-dependent-independent cognitive style

STEM without art: A ship without a sail

Early childhood teachers making multiliterate learning environments: The emergence of a spatial design thinking process,

Student positions and web-based argumentation with the support of the six thinking hats

Kajian menggunakan kaedah *Six Thinking Hats* dengan penglibatan pelajar dalam isu sosio saintifik. Tidak berkenaan dengan penulisan.

The effects of the six thinking hats and speed on creativity in brainstorming,

Kajian menggunakan kaedah *Six Thinking Hats* dengan proses pengembangan idea dalam sumbang saran sahaja.

Coordinating role of six-hat thinking technique in design team during idea-generation phase of service design

Kajian menggunakan kaedah *Six Thinking Hats* dengan penyelesaian masalah dalam tugas yang diberikan sahaja.

Kelayakan

Proses kelayakan merupakan langkah ketiga dalam PRISMA. Dalam proses ini, artikel akan dimuat turun dan dibaca secara menyeluruh bagi mengenal pasti artikel yang akan dimasukkan dalam kajian. Sebanyak 18 artikel telah dimuat turun dan dibaca secara menyeluruh. 14 artikel telah dikeluarkan melalui proses kelayakan. Jadual 5 menunjukkan sebab mengapa artikel dikeluarkan dalam proses saringan ini.

Jadual 5: Sebab Artikel Dikeluarkan melalui Saringan Bacaan Penuh

Tajuk	Sebab Dikeluarkan
The Effectiveness of Using Six Hats Strategy to Improve Reading Comprehension for the Eighth Grade Students in Communication Skills Book in Jordan	Kajian hanya berfokuskan pembacaan dan kemahiran berkomunikasi.
“Six Thinking Cards”: A Game Focused On Developing Argumentative Skills In The Chemistry Classroom	Kajian lebih menjurus kepada perkembangan pemikiran dalam proses saintifik tanpa menyentuh penulisan akademik.
PhD Students Learning the Process of Academic Writing: The Role of the Rhetorical Rectangle	Kajian hanya berfokuskan penulisan akademik dan hanya menyentuh <i>Six Thinking Hats</i> bagi membincangkan emosi pelajar semasa menulis.
New Methods to Support Effective Collaborative Reflection Among Kindergarten Teachers: An Action Research Approach	Kajian memberi fokus kepada emsi guru dan cara meluahkan emosi melalui kaedah <i>Six Thinking Hats</i> .
Interactive Methods of Teaching the Humanities in Higher Education Institutions	Kajian lebih menjurus kaedah pembelajaran dan pengajaran
Examining usability of the six thinking hats technique in playwriting education: Turkey as a case study	Kajian lebih tertumpu dengan penulisan plot perfileman dan penceritaan watak.
Effects of social influence on idea selection in creativity workshops,	Kajian lebih tertumpu kepada perkembangan idea
Do De Bono's green hat and green-red combination increase creativity in brainstorming on individuals and dyads?	Kajian tertumpu kepada perkembangan idea
Enhancing Thinking Skills Among Students Using Edward De Bono Module	Kajian menjurus kepada penggunaan kaedah <i>Six Thinking Hats</i> dalam penyelesaian permasalahan pelajaran.
The shifting patterns based on six thinking hats and its relationship with design creativity	Kajian lebih tertumpu kepada perkembangan idea kreatif
Coordinating role of six-hat thinking technique in design team during idea-generation phase of service design	Kajian tidak mengandungi sebarang input mengenai penulisan akademik
Educational use of Social Annotation Systems for Peer Feedback	Kajian tertumpu kepada anotasi di antara pelajar dan bagaimana ia membantu pelajar dalam penulisan
A case study of the use of the <i>Six Thinking Hats</i> to enhance the reflective practice of student teachers in Taiwan	Kajian menjurus kepada perkembangan refleksi diri pelajar dan guru menggunakan <i>Six Thinking Hats</i>

Terpilih

Pemilihan artikel bagi kajian sistematik literatur ini dibuat bagi melihat keberkesanan kaedah *Six Thinking Hats* dalam penulisan akademik. Kajian yang telah terpilih ditunjukkan dalam Jadual 6. Berdasarkan Jadual 6, satu artikel dipilih daripada WoS, satu artikel dari *Scopus* dan dua artikel dari *OpenAIRE*. Objektif setiap artikel selari dengan persoalan kajian.

Jadual 6: Ringkasan Kajian Terpilih

Pengarang (Tahun)	Pangkalan Data	Tajuk	Objektif	Dapatan Kajian
Al-Khataybeh M.M. (2020)	Scopus	<i>The effect of using the ‘six thinking hats’ and fishbone strategies for developing saudi EFL learners’ writing competence</i>	Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan <i>Six Thinking Hats</i> dan strategi tulang ikan terhadap perkembangan penulisan pelajar Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan tahun empat di Jabatan Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan.	Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan penggunaan <i>Six Thinking Hats</i> dalam membangunkan kemahiran menulis pelajar universiti.
Swamy B.C. et al. (2019)	WoS	<i>The Effect of Conducting De Bono’s Six Thinking Hats Activity on Developing Paragraph Writing Skills of University Students in The Kingdom of Saudi Arabia</i>	Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan menjalankan aktiviti <i>Six Thinking Hats</i> De Bono terhadap pembangunan kemahiran menulis perenggan pelajar universiti.	Dapatan menunjukkan pelajar dari golongan sederhana dan tinggi yang menggunakan kaedah <i>Six Thinking Hats</i> dan strategi tulang ikan menunjukkan peningkatan kecekapan pembinaan ayat yang ketara.
Conny C. & Sembiring A.E. (2018)	OpenAIRE	<i>The Effect of De Bono Model on Students’ Achievement in Writing Descriptive Text of</i>	Kajian ini melibatkan kajian eksperimen yang membincangkan kesan pelajar model de Bono	Dapatan menunjukkan pelajar yang menggunakan kaedah De Bono menunjukkan prestasi dan markah yang lebih baik

Phuntsho, U., and Wangdi, D. (2020)	2018/2019 <i>Eleventh Year Students of SMA Yayasan Pendidikan Harapan Bangsa Kuala Kabupaten Langkat</i>	menulis teks deskriptif.	berbanding yang tidak menggunakannya.
	<i>The Effect of Using Six Thinking Hats Strategy on the Development of Writing Skills and Creativity of Seventh Grade EFL Students.</i>	Tujuan kajian adalah untuk mengkaji kesan penggunaan strategi <i>Six Thinking Hats</i> (STH) terhadap perkembangan kemahiran menulis dan kreativiti pelajar EFL gred tujuh.	Dapatan menunjukkan kumpulan eksperimen (menerima rawatan strategi <i>Six Thinking Hats</i>) menunjukkan peningkatan kemahiran menulis dan kreativiti pelajar.

Dapatan dan Perbincangan

Melalui tinjauan sistematik literatur ini, walaupun pada permulaannya enam jenis pangkalan data digunakan dalam pencarian artikel jurnal bagi tempoh 10 tahun (2013-2022), artikel dari tiga pangkalan data sahaja terpilih untuk kajian ini iaitu WoS, *Scopus* dan *OpenAIRE*. Dapatan juga menunjukkan artikel hanya terpilih daripada tahun 2018 (1), 2019 (1) dan 2020 (2) sahaja. Jadual 7 menunjukkan ringkasan pemilihan artikel mengikut pangkalan data dan tahun.

Jadual 7: Ringkasan Pemilihan Artikel Mengikut Pangkalan Data Dan Tahun

Pangkalan Data	2013-2014	2015-2016	2017-2018	2019-2020	2021-2022	Jumlah
WoS	-	-	-	1	-	1
<i>Scopus</i>	-	-	-	1	-	1
<i>OpenAIRE</i>	-	-	1	1	-	2
<i>Science Direct</i>	-	-	-	-	-	-
<i>Springer</i>	-	-	-	-	-	-
ERIC	-	-	-	-	-	-
Jumlah	0	0	1	3	0	4

Melalui tajuk artikel terpilih, dapatan menunjukkan dua tajuk jelas mempunyai kata kunci kajian iaitu *Six Thinking Hats* dan *writing* (*The Effect of Using Six Thinking Hats Strategy on the Development of Writing Skills and Creativity of Seventh Grade EFL Students* dan *The Effect of Conducting De Bono's Six Thinking Hats Activity on Developing Paragraph Writing Skills of University Students in The Kingdom of Saudi Arabia*). Satu tajuk mempunyai kata kunci *writing* tetapi tidak mempunyai *Six Thinking Hats* namun menjelaskannya dengan perkataan De Bono Model (*The Effect of De Bono Model on Students' Achievement in Writing*

Descriptive Text of 2018/2019 Eleventh Year Students of SMA Yayasan Pendidikan Harapan Bangsa Kuala Kabupaten Langkat). Tajuk *Developing Saudi EFL Learners' Writing Competence* hanya mempunyai kata kunci *writing* sahaja.

Dapatan menunjukkan keempat-empat kajian menggunakan kaedah kuasi eksperimen dalam kajian yang dijalankan. Reka bentuk eksperimen yang digunakan ialah Kumpulan Kawalan Pra dan Pasca Ujian. Tiga kajian menunjukkan min markah yang didapati oleh kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum rawatan dijalankan ialah sama. Dapatan keempat-empat kajian menunjukkan markah kumpulan eksperimen lebih tinggi daripada kumpulan kawalan selepas rawatan. Tambahan pula, markah kumpulan eksperimen lebih tinggi dicatatkan selepas rawatan berbanding sebelum rawatan bagi keempat-empat kajian. Dapatan ini selaras dengan kajian Tahrin & Noviati (2019) yang mendapati keberkesanan kaedah *Six Thinking Hats* dalam kumpulan eksperimen menunjukkan tahap penguasaan yang lebih baik berbanding kumpulan konvensional.

Tiga kajian mendapati bahawa tahap penulisan pelajar, secara spesifiknya kemahiran menulis perenggan, meningkat selepas mempelajari teknik *Six Thinking Hats*. Kajian Yeung (2019) juga menyatakan dapatan yang sama iaitu tahap penulisan pelajar meningkat dan menunjukkan perubahan positif yang ketara selepas menggunakan kaedah *Six Thinking Hats*. Menurut kajian Ugyen & Dumcho (2020), pelajar yang didedahkan dengan kaedah *Six Thinking Hats* menunjukkan perkembangan kemahiran menulis yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak menggunakan kaedah tersebut. Satu kajian mendapati bahawa kumpulan eksperimen memahami kepentingan sumbang saran sebelum menulis perenggan dan sumbang saran dilakukan secara spontan selepas soalan diutarakan. Dua kajian mendapati dapatan yang hampir sama iaitu pelajar akan berfikir dahulu sebelum memberikan pendapat selepas mempelajari kaedah berfikir *Six Thinking Hats*. Selain itu, dua kajian mendapati pengembangan idea berlaku dalam kalangan pelajar melalui kaedah *Six Thinking Hats*. Gocmen & Coskun (2019) pula menyatakan bahawa *Six Thinking Hats* membantu dalam proses sumbang saran dan pengembangan kreativiti pelajar. Topi hijau secara spesifiknya membantu dalam pengembangan idea yang unik berbanding topi kuning dan merah. Pelajar juga didapati mampu untuk menjana idea secara spontan menggunakan topi hijau.

Pelajar menjadi lebih bermotivasi dalam pembelajaran menurut dapatan dari dua kajian. Pelajar lemah dilihat cuba untuk meningkatkan motivasi dan pelajar lebih berkelakuan positif selepas mempelajari teknik *Six Thinking Hats* mengikut satu dapatan. Dapatan ini selaras dengan kajian Mostafa et al. (2019) yang mendapati bahawa pelajar bersetuju bahawa kaedah ini membantu mereka berkongsi pelbagai idea dan pendapat seterusnya meningkatkan minat dan motivasi mereka di dalam kelas. Selain itu, kajian Mahamood et. al (2017) mendapati bahawa kesan positif dilihat berlaku dalam proses pembelajaran selepas penggunaan kaedah *Six Thinking Hats*. Dua kajian menunjukkan dapatan bahawa pelajar kumpulan eksperimen lebih berkeyakinan menyelesaikan masalah selepas rawatan dijalankan. Pelajar cuba untuk menyelesaikan masalah sendiri tanpa meminta bantuan rakan atau guru menurut satu dapatan. Dapatan ini selari dengan kajian Kaur (2017) yang mendapati bahawa individu akan mempunyai daya pemikiran yang bebas dan lebih berkeyakinan apabila menggunakan kaedah *Six Thinking Hats*. Pelajar juga didapati berfikir dahulu sebelum memberikan pendapat menurut dua dapatan. Hani et al. (2017) menyatakan bahawa kaedah *Six Thinking Hats* berjaya menggalakkan pelajar menggunakan pemikiran yang lebih mendalam mengenai sesuatu topik apabila menggunakan topi berlainan warna yang membantu pemikiran kritis pelajar.

Satu kajian mendapati pelajar dapat mengembangkan aplikasi *Six Thinking Hats* kepada topik yang lain. Pelajar juga didapati lebih kreatif dan bersemangat menurut dua dapatan. Kajian Ugyen & Dumcho (2020) mendapati bahawa penggunaan *Six Thinking Hats* oleh guru dalam pengajaran penulisan mempunyai kesan dalam perkembangan kemahiran berfikir secara kreatif dalam kalangan pelajar. Akhir sekali, dua kajian lain mendapati pelajar didapati berusaha melibatkan diri dalam aktiviti pelajaran selepas mendapat pendedahan kaedah *Six Thinking Hats*. Ini selaras dengan dapatan kajian Mahamood et al. (2017) yang mendapati bahawa penggunaan *Six Thinking Hats* dalam kelas akan membantu pembelajaran aktif di antara guru dan pelajar. Pelajar didapati akan lebih melibatkan diri dalam aktiviti kelas.

Kesimpulan

Tinjauan sistematik literatur ini dijalankan untuk menjawab persoalan apakah keberkesanan aplikasi kaedah *Six Thinking Hats* dalam penulisan akademik. Pelajar didapati menunjukkan peningkatan positif yang ketara dalam pelbagai aspek selepas didedahkan dengan Kaedah *Six Thinking Hats*. Pelajar bukan sahaja menunjukkan peningkatan dalam markah dan kemahiran menulis perenggan malah peningkatan turut dilihat dalam penglibatan pelajar, keyakinan diri pelajar, perkembangan idea pelajar, motivasi diri pelajar, kreativiti dan sumbang saran pelajar, dan kelakuan positif.

Tinjauan sistematik literatur ini menggunakan enam pangkalan data bagi proses pencarian artikel jurnal iaitu *Scopus*, *Web of Science (WoS)*, *Science Direct (SD)*, *Education Resources Information Center (ERIC)*, *OpenAIRE* dan *Springer*. Artikel bersesuaian dalam pangkalan data yang lain seperti *Arab World Research* dan *SAGE Journals* perlu diperluaskan bagi mendapatkan penemuan yang komprehensif dan menyeluruh. Artikel jurnal juga hanya dicari dalam tempoh 10 tahun kebelakangan, perlu diperluaskan lagi carian. Pencarian artikel dalam bahasa selain daripada Melayu dan Inggeris boleh dilakukan bagi meluaskan skop dapatan. Dalam kajian akan datang, semua cadangan harus dipertimbangkan bagi memastikan semua sumber sedia ada dapat dipelopori untuk menghasilkan penemuan yang lebih jelas dan relevan sejajar dengan konsep PRISMA

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas segala kemudahan dan sokongan yang telah disediakan sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih yang tulus ditujukan kepada penyelia saya, Dr. Muhammad Syawal Amran, atas bimbingan, nasihat ilmiah, dan tunjuk ajar yang amat berharga sepanjang proses penyelidikan dan penulisan artikel ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada bonda dan ayahanda tercinta, yang telah kembali ke rahmatullah. Semoga segala usaha dan ilmu yang disumbangkan melalui penulisan ini menjadi amal jariah dan saluran pahala buat mereka. Setulus penghargaan turut ditujukan kepada kakak saya, atas sokongan moral dan dorongan yang berterusan sepanjang tempoh ini.

Rujukan

- Aithal, P. S., & Suresh Kumar, P. M. (2017). Ideal Analysis for decision making in critical situations through six thinking hats method. *International Journal of Applied Engineering and Management Letters*, 1(2), 1–9.
- Al-Khataybeh, M. M. (2020). The effect of using the 'six thinking hats' and fishbone strategies for developing saudi EFL learners' writing competence. *Asian EFL Journal*, 27(1), 159–176.

- Bodur, K. (2018). Writing by putting on Edward De Bono's Six Thinking Hats: Critical thinking in writing. *Journal of Language and Literature Studies*, 138–149.
- Bono, D. E. (2017). *Six thinking hats*. Penguin Life, an imprint of Penguin Books.
- Conny, C., & Sembiring, A. E. (2018). The effect of De Bono model on students' achievement in writing descriptive text of 2018/2019 eleventh year students of SMA Yayasan pendidikan Harapan Bangsa Kuala kabupaten langkat. *Jurnal Serunai Bahasa Inggris*, 10(2), 28–37.
- Göçmen, Ö., & Coşkun, H. (2019). The effects of the six thinking hats and speed on creativity in brainstorming. *Thinking Skills and Creativity*, 31, 284–295. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2019.02.006>
- Hani, U., Petrus, I., & Sitinjak, M. D. (2017). The effect of six thinking hats and critical thinking on speaking achievement. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, 82.
- Kaur, M. (2017). Six thinking hats (STH): An instructional strategy to develop creative thinking. *Asian Man (The) - An International Journal*, 11(2), 221. <https://doi.org/10.5958/0975-6884.2017.00038.x>
- Mahamod, Z., Azhar, M. Q., & Hassan, H. (2019). Knowledge differences, attitudes and practices using six thinking hats by gender and specialization in the Malay Language Primary School Teachers. *Creative Education*, 10(10), 2186–2200. <https://doi.org/10.4236/ce.2019.1010158>
- Nurhidayat, W. D. (2022, January 1). *Mekanika Penulisan*. WAHYU DWU NURHIDAYAT. Retrieved January 7, 2023, from https://www.academia.edu/91042015/MEKANIKA_PENULISAN
- Phuntsho, U., & Wangdi, D. (2020). The Effect Of Using Six Thinking Hats Strategy On The development Of Writing Skills And Creativity Of seventh Grade Efl Students. *i-Manager's Journal on English Language Teaching*, 10(2), 27–35. <https://doi.org/https://doi.org/10.26634/jelt.10.2.16453>
- Setyaningtyas, E. W., & Radia, E. H. (2019). Six thinking hats method for developing critical thinking skills. *Journal of Educational Science and Technology (EST)*, 82–91. <https://doi.org/10.26858/est.v5i1.8243>
- Swamy, B. C., Haque, M. I., Koppada, V., & Kumar, N. S. (2019). The effect of conducting de Bono's six thinking hats activity on developing paragraph writing skills of university students in the Kingdom of Saudi Arabia. *International Journal of English Linguistics*, 9(6), 186.
- Tahrin, T., & Noviati, N. (2019). Six thinking hats strategy to the eighth grade students of PGRI Junior High School 9 of Palembang. *Esteem Journal of English Education Study Programme*, 3(2), 66–76.
- Ugyen, P., & Dumcho, W. (2020). The effect of using six thinking hats strategy on the development of writing skills and creativity of seventh grade EFL students. *i-Manager's Journal on English Language Teaching*, 10(2), 27.
- Upadana, G., Lasmawan, W., & Atmadja, N. B. (2013). Pengaruh Metode Pembelajaran Six Thinking Hats Terhadap Kreativitas Dan Hasil Belajar IPS. *e-Journal Program Pascasarjana Universitas Pendidikan Ganesha*, 3.
- Yeung, S. H. H. A. (2019). Enhancing Language Ability and Critical Thinking Skills by Using the Six Thinking Hats together with Padlet in English Lessons CCC Tai O Primary School. In *The 21st Global Chinese Conference on Computers in Education (GCCCE 2017)*.